



SURAT AKUAN OLEH PEGAWAI AWAM YANG TERLIBAT DALAM PEROLEHAN

Saya, No. Kad Pengenalan.....
 adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisytiharkan bahawa:

- i. Saya tidak akan melibatkan diri saya dalam mana-mana amalan rasuah dengan mana-mana pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam perolehan **Universiti Teknologi MARA**;
- ii. Saya tidak akan bersubahat dengan mana-mana pihak yang boleh menjejaskan ketelusan dan keadilan semasa mana-mana proses perolehan dan semasa tempoh pelaksanaan kontrak;
- iii. Sekiranya terdapat sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya;
- iv. Saya sesungguhnya faham bahawa kegagalan saya mematuhi perkara i, ii dan iii dalam surat akuan ini boleh menyebabkan saya didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksan serta boleh dihukum di bawah undangundang masing-masing;
- v. Saya akan mengisytiharkan dengan segera kepada Ketua Jabatan sekiranya terdapat mana-mana anggota atau keluarga terdekat yang mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan perolehan yang dikendalikan oleh saya;
- vi. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan Universiti Teknologi MARA kepada mana-mana pihak selaras dengan Seksyen 8(1) Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88]; dan
- vii. Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya melanggar mana-mana terma dalam Surat Akuan ini, saya juga boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) [Akta 605] (untuk staf UiTM) atau Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 1973) (Jadual Kedua) (untuk Ahli Lembaga Pengarah UiTM) atau Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 (untuk staf bukan UiTM).

Disaksikan oleh**:

Tandatangan	:	_____	Tandatangan	:	_____
Nama	:	_____	Nama	:	_____
No. KP	:	_____	No. KP	:	_____
No. pekerja	:	_____	No. pekerja	:	_____
Jawatan	:	_____	Jawatan	:	_____
Tarikh	:	_____	Tarikh	:	_____

Catatan:

- 1) * termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3(a), takrif “kesalahan ditetapkan”) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksan [Akta 574].
- 2) ** disaksikan oleh Ketua Jabatan/ Ketua Pusat Tanggungjawab.